

# Pekerja rugi jika GSP BH 21 MAY 1990 ditarik

GEORGETOWN, Ahad — Usaha sebuah pertubuhan buruh antarabangsa di Amerika Syarikat supaya ditarik balik kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP) kepada Malaysia bukan kerana hendak menjaga nasib pekerja negara ini tetapi mahu melindungi industri dan pekerja mereka sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka berbuat demikian kerana industri di negara ini bersaing hebat dengan industri di Amerika dan ia menjejaskan pekerja Amerika di segi peluang pekerjaan dan gaji.

"Tujuan mereka ialah supaya negara kita tidak maju dan syarikat asing akan menarik balik pelaburan di sini. Dengan cara itu pekerja mereka boleh dapat kerja dan boleh menuntut bayaran lebih tinggi," katanya.

Sebelum ini, peguam Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Asasi Pekerja Antarabangsa yang berpusat di Washington, Encik Terry Collingsworth, dilaporkan menyokong gesaan pelabur Amerika supaya Kerajaan Malaysia menukar undang-undang mengenai penubuhan kesatuan sekerja.

Tabung itu juga dikatakan cuba mendapatkan sokongan supaya kemudahan GSP terhadap barangan elektrik yang diberikan kepada Malaysia, ditarik balik.

Bercakap dalam sidang akhbar di sini hari ini, Perdana Menteri berkata dengan cara itu, pekerja mereka boleh dapat kerja dan boleh menuntut bayaran lebih tinggi.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan menerima pelaburan yang banyak sehingga menyebabkan pekerja menganggur sekiranya kemudahan GSP ditarik balik.

"Apabila berlaku pengangguran, gaji pekerja turun kerana majikan mempunyai pilihan untuk mengambil pekerja dan mereka akan mengambil pekerja yang menuntut gaji kurang," katanya.

Perdana Menteri juga membidas pemimpin kesatuan sekerja yang mendesak kemudahan GSP ditarik balik.

Katanya, pemimpin kesatuan sekerja bertindak sedemikian sebagai ahli politik dan bukan untuk menjaga kepentingan pekerja.

Sementara itu, di Kuantan, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata kerajaan tidak bercadang menukar peruntukan undang-undang pekerja berhubung penubuhan kesatuan sekerja, semata-mata disebabkan oleh gesaan pihak tertentu, termasuk pelabur dari Amerika.

Katanya, undang-undang pekerja yang ada sekarang adalah sesuai kerana kerajaan sentiasa mengamalkan sikap liberal terhadap pekerja yang mahu menubuhkan kesatuan untuk faedah mereka.

"Di negara ini, hanya tujuh pekerja berdaftar diperlukan untuk mewujudkan kesatuan sekerja, sedangkan Amerika mewajibkan 30 peratus daripada jumlah pekerja hendaklah bersetuju sebelum kesatuan ditubuhkan.

"Ini membuktikan di Amerika Syarikat pekerja lebih sukar mewujudkan kesatuan berbanding golongan pekerja di negara ini untuk memperjuangkan hak mereka," katanya.